



KELAB KEBAJIKAN, SOSIAL DAN SUKAN

JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

Aras 3, Podium 1, Wisma Sumber Asli,

No.25, Persiaran Perdana, Presint 4,

62574 PUTRAJAYA

No.Pendaftaran : 2453/96 (Wilayah Persekutuan)

Rujukan : JKPTG-800/100-8/1/2(7)

Tarikh : 27 September 2017

YBhg. Dato' Sri/Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan,

JEMPUTAN KE SESI SEMINAR *TEACH IN* PENGAMBILAN TANAH 2017

Izinkan saya dengan hormatnya menarik perhatian YBhg. Dato' Sri/Dato'/Datuk/YBrs. Dr./Tuan kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kelab Kebajikan, Sosial dan Sukan (KEKASS) dengan kerjasama Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) akan menganjurkan Seminar *Teach In Pengambilan Tanah 2017* yang bertemakan **Ke Arah Mereliasasikan Dimensi Baharu Pengambilan Tanah Pasca Pindaan 2016**. *Teach In* ini akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 10 Oktober 2017 (Selasa)

Masa : 8.00 Hingga 4.30 petang

Tempat : Hotel Bangi – Putrajaya

3. Objektif penganjuran *Teach In* Pengambilan Tanah 2017 ini adalah untuk :

- (i) memberi pendedahan signifikan kepada semua stakeholder berkaitan dengan pindaan terkini undang-undang pengambilan tanah;
- (ii) menerangkan halatuju baharu pengambilan tanah untuk pembangunan Negara ke arah TN50;
- (iii) mengenal pasti do's and don'ts dalam urusan pengambilan tanah; dan
- (iv) mengenal pasti isu dan masalah semasa dalam pelaksanaan pengambilan tanah.

Para peserta juga akan dapat berinteraksi secara langsung dengan para penceramah yang berwibawa dan berpengalaman semasa atau selepas pembentangan.

4. Sehubungan itu, YBhg. Dato' Sri/Dato'/Datuk/YBrs. Dr./Tuan dengan hormatnya dijemput untuk menghadiri *Teach In* Pengambilan Tanah 2017.

5. Untuk makluman, yuran bayaran boleh dibuat secara tunai, bank draf, cek berpalang dan juga pesanan tempatan. Kadar yuran bayaran *Teach In* Pengambilan Tanah 2017 adalah seperti berikut :

RM350.00 seorang (Agensi Swasta)
RM300.00 seorang (Agensi Kerajaan)
RM150.00 seorang (pelajar)

Dibayar atas nama :

Kelab Kebajikan Sosial dan Sukan JKPTG
(Bank Muamalat – No Akaun : 16 010 000 338 714)

6. Pihak kami amat berbesar hati sekiranya pihak YBhg. Dato' Sri/Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan dapat mengesahkan kehadiran melalui borang pengesahan kehadiran seperti yang dilampirkan **sebelum atau pada 5 Oktober 2017 (Khamis)** bagi tujuan **pengesahan tempat**. Bersama-sama ini juga disertakan risalah **Seminar *Teach In* Pengambilan Tanah 2017** untuk rujukan dan tindakan selanjutnya. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus atau emel kepada pegawai berikut:

- (i) Puan Mariana Binti Man, Tel: 03-88712664/0194530657 atau e-mel mariana@jkptg.gov.my
- (ii) Puan Wan Izyan Binti Wan Yusof, Tel: 03-88712808/0129476920 atau e-mel wanizyan@jkptg.gov.my.

7. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato' Sri/Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.



(HJ CHE ROSLAN BIN CHE DAUD)

Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan
merangkap YDP KEKASS

Aras 10, Wisma Sumber Asli, No. 25 Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 PUTRAJAYA

Tel : 03-88712776

Fax : 03-88893461

H/p : 013-3366433

Emel : cheroslan@jkptg.gov.my

URL : www.jkptg.gov.my